

**SOALAN LAZIM**  
**PERADUAN DOODLE SUPERHEROES 2025**

1. **Soalan:**  
Apakah **Peraduan Doodle Superheroes 2025**?

**Jawapan:**

Peraduan *Doodle Superheroes 2025* diadakan bertujuan untuk membuka peluang kepada individu yang berbakat dan kreatif untuk mengekspresikan semangat penabungan melalui seni coret atau *doodle* sekaligus berpeluang memenangi hadiah menarik dengan jumlah keseluruhan bernilai RM2,000 untuk dimenangi oleh 16 orang pemenang.

2. **Soalan:**  
Bilakah tempoh **Peraduan Doodle Superheroes 2025** ini bermula?

**Jawapan:**

Tempoh **Peraduan Doodle Superheroes 2025** ini bermula pada **15 September 2025 sehingga 14 Oktober 2025**.

3. **Soalan:**  
Siapakah yang layak untuk menyertai **Peraduan Doodle Superheroes 2025**?

**Jawapan:**

Terdiri daripada warganegara Malaysia dan terbuka kepada peserta peringkat **sekolah rendah dan sekolah menengah**, maklumat adalah seperti di bawah:

**Peraduan Doodle Superheroes 2025**

- i. Kategori 1: Peserta berumur 7 hingga 12 tahun
- ii. Kategori 2: Peserta berumur 13 hingga 17 tahun

4. **Soalan:**  
Bagaimanakah cara penyertaan **Peraduan Doodle Superheroes 2025**?

**Jawapan:**

- i. Peserta perlu menghasilkan satu karya *doodle* bertemakan “*Adventure – 2025*”. Karya yang dihasilkan perlulah mempunyai elemen ‘penabungan’ dan ‘Simpan SSPN’.
- ii. Karya mesti asli dan merupakan idea asal diri sendiri.
- iii. Karya boleh dihasilkan dalam bentuk digital atau tradisional (lukisan tangan) samada bewarna atau *artline* bersaiz A4
- iv. Karya perlu dihantar dalam format JPEG/ PNG/ PDF.
- v. Peserta perlu mengisi borang dan menghantar penyertaan melalui Google Form di pautan: <https://bit.ly/DoodleSuperheroes2025> **selewat-lewatnya 14 Oktober 2025, jam 11:59 malam**.
- vi. Setiap peserta dibenarkan menghantar satu (1) penyertaan sahaja.

**5. Soalan:**

Bagaimanakah pemilihan pemenang **Peraduan Doodle Superheroes 2025** dibuat?

**Jawapan:**

- i. Pemenang akan dipilih berdasarkan pemarkahan panel juri yang dipilih oleh pihak PTPTN.
- ii. Keputusan pemenang yang diumumkan oleh PTPTN adalah **muktamad**. Sebarang surat- menyurat, pertanyaan, rayuan, bantahan atau cubaan mempertikaikan keputusan tidak akan dilayan bagi mana-mana situasi.

**6. Soalan:**

Apakah hadiah yang ditawarkan dalam **Peraduan Doodle Superheroes 2025** ini?

**Jawapan:**

**i. PERINGKAT SEKOLAH RENDAH**

KATEGORI	PEMENANG	HADIAH
<b>Kategori 1 7 – 12 tahun</b>	Pertama	RM350 + e-Sijil x 1 pemenang
	Kedua	RM250 + e-Sijil x 1 pemenang
	Ketiga	RM150 + e-Sijil x 1 pemenang
	Saguhati	RM50 + e-Sijil x 5 pemenang

**ii. PERINGKAT SEKOLAH MENENGAH**

KATEGORI	PEMENANG	HADIAH
<b>Kategori 2 13 - 17 tahun</b>	Pertama	RM350 + e-Sijil x 1 pemenang
	Kedua	RM250 + e-Sijil x 1 pemenang
	Ketiga	RM150 + e-Sijil x 1 pemenang
	Saguhati	RM50 + e-Sijil x 5 pemenang

**7. Soalan:**

Bagaimanakah makluman kepada pemenang hadiah **Peraduan Doodle Superheroes 2025** akan dibuat?

**Jawapan:**

Pemenang akan dimaklumkan melalui e-mel/ media sosial rasmi PTPTN, @PTPTNOfficial atau kaedah penyampaian lain yang bersesuaian.

**8. Soalan:**

Bilakah hadiah tunai **Peraduan Doodle Superheroes 2025** akan dikreditkan ke akaun pemenang?

**Jawapan:**

Hadiah berbentuk ganjaran tunai yang dimenangi akan dikreditkan ke dalam akaun simpanan Simpan SSPN Prime pemenang yang dibuka untuk diri sendiri dalam tempoh **DUA (2) BULAN** daripada tarikh pengumuman pemenang. Sekiranya pemenang tidak mempunyai akaun Simpan SSPN Prime, pembukaan akaun akan dibuat berdasarkan kepada butiran akaun di Simpan SSPN Plus. Jika pemenang tidak mempunyai akaun, pihak PTPTN akan membuat pembukaan akaun tersebut secara ***pre - opening***.

*Nota: Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami Terma & Syarat penuh  
**Peraduan Doodle Superheroes 2025***

*Maklumat dikemaskini pada 10 September 2025*